

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 May 2015

Kerajaan bersikap terbuka mendengar pandangan pelbagai pihak – Najib

Tangani kos sara hidup rakyat

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 MEI

KERAJAAN komited untuk menambah baik dasar-dasar berkaitan mengurangkan kos sara hidup, selain memperkenalkan dasar baharu bagi meringankan beban rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, kerajaan mengambil sikap terbuka untuk mendengar pandangan pelbagai pihak termasuk golongan belia.

"Menangani kos sara hidup menjadi keutamaan dan penelitian bagi setiap keluarga, sebab itulah kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah dan cara untuk mengurangkan kos sara hidup.

"Mungkin dasar yang diperkenalkan tidak lengkap tetapi pelbagai usaha telah kita lakukan. Ada

Menangani kos sara hidup menjadi keutamaan dan penelitian bagi setiap keluarga, sebab itulah kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah dan cara untuk mengurangkan kos sara hidup."

**NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri**

yang anda ketahui dan ada yang anda tidak ketahui, ada secara langsung dan ada juga secara tidak langsung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sidang Meja Bulat dan Bicara Kos Sara Hidup

anjuran Pemikir Muda Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Presiden Pemikir Muda Malaysia, Mohd. Rafiq Naizamohideen.

Menurut Najib, antara dasar yang telah dilakukan kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup adalah perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik kerajaan yang hanya mengenakan bayaran rendah.

Antara lain katanya, kerajaan juga sedang dan akan membina lebil banyakk rumah mampu milik dengan sasaran sejuta unit dalam tempoh lima tahun termasuk yang dikehendaki untuk golongan belia.

"Dari segi pendidikan tinggi, kerajaan menanggung (subsidi) 90

peratus kos pengajian dan pelajar hanya perlu membayar 10 peratus. Itu pun kita beri lagi bantuan kewangan seperti pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan biasiswa.

"Dalam soal pendemokrasian pendidikan atau akses kepada pendidikan berkualiti, tidak bergantung kepada kemampuan kewangan sebaliknya keinginan dan kesungguhan seseorang itu untuk belajar. Berbanding negara lain, jarang kita dengar masalah tak dapat menyambung pelajaran kerana faktor kewangan," katanya.

Sementara itu, dalam majlis tersebut, Najib menerima 24 resolusi hasil daripada sidang meja bulat tentang kos sara hidup yang berlangsung sejak semalam.

Resolusi itu antaranya menyentuh tentang keusahawanan, cukai barang dan perkhidmatan (GST), pemilikan rumah dan Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM).

Um-10/5/2015